KEMENTERIAN PENDIDIKAN

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

# MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3 2022

## TINGKATAN LIMA

## PENDIDIKAN ISLAM 1223/1(PP)

**Kertas 1**

**Peraturan Pemarkahan**

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **HAK Cipta AKRAM Terengganu**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat di dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **11** halaman bercetak.

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 1(a) (i) | **Maksud sunnatullah:** | |
| | **Sistem** atau **peraturan** yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk /[1m] dan tiada sesiapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut./[1m] | 2 |
| | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| (ii) | **Dua kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu :** | |
| | F1 Dapat mengenal pasti sebab kejayaan umat terdahulu. | 2 |
| | F2 Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu. | 2 |
| | F3 Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan dengan berpegang teguh pada akidah yang benar dan berakhlak mulia. | 2 |
| | **2F x 2m = 4m** | **Mak=4m** |
| (iii) | **Dua pengajaran ayat :** | |
| | F1 Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia / | 1 |
| | H1 **bersesuaian dengan** peraturan dan ketetapan-Nya. | 1 |
| | F2 Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi / | 1 |
| | H2 **supaya** dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah. | 1 |
| | F3 Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu / | 1 |
| | H3 **agar** menjadi pedoman dalam kehidupan. | 1 |
| | F4 Kita hendaklah meyakini bahawa al Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran / | 1 |
| | H4 **bagi** orang yang beriman dan bertakwa. | 1 |
| | F5 Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa / | 1 |
| | H5 **ketika** menerima ujian dalam kehidupan. | 1 |
| | F6 Kita hendaklah menjaga keimanan / | 1 |
| | H6 **agar** beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. | 1 |
| | **mana-mana jawapan munasabah diterima.* | |
| | **TERANGKAN : 2F x 1m = 2m**<br>**2H x 1m = 2m** | **Mak=4m** |

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 1(b) | **Jenis Qalqalah :** | |
| (i) | Hukum : Qalqalah Sughra | 1 |
| (ii) | Hukum : Qalqalah Kubra | 1 |
| (iii) | Hukum : Qalqalah Akbar<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>**Mak=2m** |
| 1(c) (i) | **Maksud perkataan bergaris:**<br>ظِلَّ Naungan / lindungan<br>شَابٌّ Pemuda<br>**2F x 1m = 2m** | <br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua golongan yang akan mendapat naungan Allah SWT di akhirat nanti.**<br>F1 Pemimpin yang adil.<br>F2 Pemuda yang hidup taat beribadah kepada Allah.<br>F3 Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid<br>F4 Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>F5 Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah.<br>F6 Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.<br>F7 Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata.<br>**2F x 1m = 2m** | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**2m** |
| (iii) | **Dua contoh orang yang mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.**<br>F1 Saidina Abu Bakar sentiasa mendampingi Rasulullah SAW /<br>H1 **ketika** berhadapan dengan pelbagai ujian semasa berhijrah ke Madinah.<br>F2 Persaudaraan antara kaum Muhajirin dan Ansar /<br>H2 **sehingga** sanggup menawarkan harta, tenaga dan tempat tinggal.<br>**mana-mana jawapan munasabah diterima.*<br>**TERANGKAN : 2F x 1m = 2m**<br>**2H x 1m = 2m** | <br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>**Mak=4m** |

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>2(a) (i)</td><td>Maksud al Syahid :<br><br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan & mendengar segala ucapan makhluk /1m<br>serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya. /1m<br><br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Dua bukti Allah SWT bersifat al Syahid :<br><br>F1 Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya.<br>F2 Allah SWT menyaksi dan menghitung segala amal perbuatan manusia.<br>F3 Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau yang tersembunyi.<br>F4 Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik.<br><br>2F x 2m = 4m</td><td>2<br>2<br>2<br>2<br><br>Mak=4m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Pada pandangan anda, mengapakah masih berlaku remaja melakukan jenayah walaupun mengetahui Allah SWT bersifat al Syahid?<br><br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br>• Lemah iman / tidak mantap akidah.<br>• Pengaruh kawan/ rakan/ media/ persekitaran yang tidak baik.<br>• Kurang didikan agama/ penghayatan/ amalan.<br>• Hukuman yang dikenakan tidak setimpal/ longgar.<br>• Tiada penguatkuasaan undang-undang/ tidak tegas.</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
</table>

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 2(b) (i) | **Maksud iman terbatal melalui iktikad :**<br>Iman terbatal dengan sebab **tidak percaya atau ragu-ragu** dengan perkara yang berkaitan /1m dengan al Uluhiyyah (ketuhanan), al Nubuwwah (kenabian), perkara al Ghaibiyyat (ghaib) dan al Syariah /1m**.** | 2 |
| | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| (ii) | **Contoh perkataan yang membatalkan iman :** | |
| | F1 "Saya tidak lagi beragama Islam". | 1 |
| | F2 "Al Quran sudah tidak sesuai lagi diamalkan". | 1 |
| | F3 "Saya tidak percaya adanya malaikat Raqib dan Atid". | 1 |
| | F4 "Rasulullah SAW pun buat dosa" | 1 |
| | F5 "Zaman sekarang tidak perlu menutup aurat lagi". | 1 |
| | F6 "Bilal itu telah menyalak seperti anjing". | 1 |
| | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| (iii) | **Dua kesan melakukan perkara yang membatalkan iman :** | |
| | F1 Rosak segala amalan soleh / dan ibadat yang dilakukan. | 1 |
| | F2 Tidak diampunkan dosanya oleh Allah SWT / sekiranya tidak bertaubat dan kembali kepada Islam. | 1 |
| | F3 Diharamkan memasuki syurga / dan sebaliknya akan kekal di dalam neraka. | 1 |
| | F4 Hilang hak terhadap harta pusaka / yang ditinggalkan oleh keluarga muslim. | 1 |
| | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| (iv) | **Dua cara menjauhi ajaran sesat :** | |
| | F1 Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunah Wal Jamaah / | 1 |
| | H1 **agar** tidak terpesong. | 1 |
| | F2 Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya / | 1 |
| | H2 **supaya** tidak mudah terpengaruh. | 1 |
| | F3 Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al Quran dan al Sunah / | 1 |
| | H3 **agar** amalan diterima Allah. | 1 |
| | F4 Mencari maklumat daripada sumber yang sahih/ | 1 |
| | H4 **supaya** tidak terpengaruh dengan ajaran sesat. | 1 |
| | F5 Berdoa memohon petunjuk Allah SWT/ | 1 |
| | H5 **agar** sentiasa berada dijalan yang benar. | 1 |
| | F6 Bertaubat kepada Allah SWT/ | 1 |
| | H6 **kerana** ketelanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat. | 1 |
| | **TERANGKAN : 2F x 1m = 2m**<br>**2H x 1m = 2m** | **Mak=4m** |

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>3(a) (i)</td><td>Maksud Haji:<br>Mengunjungi Baitullah al Haram pada bulan-bulan haji /1m<br>untuk mengerjakan ibadah tertentu /1m menurut syarat-syaratnya. /1m<br><br>CATATAN :<br>• Mengunjungi Baitullah al Haram – wajib ada dalam jawapan<br><br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br><br><br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Empat rukun haji :<br><br>F1 Niat ihram.<br>F2 Wukuf di Padang Arafah.<br>F3 Tawaf di Baitullah.<br>F4 Sai antara Bukit Safa dan Bukit Marwah.<br>F5 Bercukur atau bergunting.<br>F6 Tertib pada kebanyakan rukun.<br><br>4F x 1m = 4m</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>Mak=4m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Dua perbezaan antara haji dan umrah dari aspek waktu dan perkara wajib:<br><br>
<table>
<tr><th></th><th>Aspek</th><th>Haji</th><th>Umrah</th></tr>
<tr><td>F1</td><td>Waktu</td><td>• Dikerjakan pada bulan haji sahaja</td><td>• Pada bila-bila masa sepanjang tahun</td></tr>
<tr><td rowspan="4">F2</td><td rowspan="4">Perkara wajib</td><td>• Melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga jamrah</td><td>• Tiada perbuatan melontar</td></tr>
<tr><td>• Bermalam di Muzdalifah</td><td>• Tiada bermalam di Muzdalifah</td></tr>
<tr><td>• Bermalam di Mina</td><td>• Tiada bermalam di Mina</td></tr>
<tr><td>• Melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra</td><td>• Tiada melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra</td></tr>
</table>
<br>CATATAN:<br>• Mesti ada perbezaan yang setara.<br>• Jawapan dalam bentuk jadual tetapi tiada perbezaan (sebelah sahaja)=0m (sebab tiada perbezaan)<br>• Jawapan yang ada perbezaan tapi salah satu PERBEZAAN SALAH=1m<br><br>*jawapan mesti lengkap.<br><br>2F x 2m = 4m</td><td>2<br>2<br>2<br>2<br>2<br><br>Mak=4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>3(b) (i)</td><td>Maksud idah:<br><br>Tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri /1m<br>selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami. /1m<br><br>2F x 1m = 1m</td><td>1<br>1<br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Tempoh idah bagi situasi berikut :<br>a. Isteri yang bercerai hidup dan belum putus haid :<br>3 kali suci<br>b. Isteri yang bercerai mati dan belum pernah disetubuhi :<br>4 bulan 10 hari<br><br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br><br>1<br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>3(c)</td><td>Dua jenis talak.<br><br>F1 Talak Raj’i.<br>F2 Talak Bain.<br><br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>3(d)</td><td>Encik Hasan telah mempunyai seorang isteri tetapi beliau berhasrat untuk berkahwin lagi.<br>Kemukakan pandangan anda terhadap situasi Encik Hasan.<br><br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Jawapan menyokong :<br><br>Cadangan isi :<br>• Memenuhi kelayakan berpoligami.<br>• Mampu memberi nafkah zahir dan batin.<br>• Boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya.<br><br>Jawapan tidak menyokong :<br><br>Cadangan isi :<br>• Tidak memenuhi kelayakan berpoligami.<br>• Tidak mampu memberi nafkah zahir dan batin.<br>• Tidak boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya.</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>4(a) (i)</td><td>Dua ciri kepimpinan Khalifah Umar Al-Khattab :<br><br>F1 Tegas.<br>F2 Berfikiran terbuka.<br>F3 Adil.<br>F4 Cekap.<br><br>2F x 1m = 2m</td><td><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Dua pencapaian kerajaan Khulafa ar Rasyidin dari aspek ekonomi :<br><br>F1 Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti cukai jizyah dan kharaj.<br>F2 Memajukan sistem pengairan dan saliran melalui pembinaan terusan Amirul Mukminin di Mesir dan empangan Abu Musa di Basrah.<br>F3 Mengemaskini institusi baitul mal.<br>F4 Meneroka tanah baharu untuk memperbanyak hasil pertanian.<br><br>2F x 2m = 4m</td><td><br><br>2<br><br>2<br>2<br>2<br><br>Mak=4m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Pernyataan di atas merupakan salah satu ciri kepimpinan Saidina Uthman bin Affan. Bagaimanakah sifat ini boleh dipupuk dalam kalangan pelajar agar melahirkan masyarakat yang maju?<br><br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Cadangan isi :<br>• Sentiasa mengkaji masalah yang dihadapi.<br>• Rajin menganalisis keperluan semasa.<br>• Mencipta sesuatu yang baharu.<br><br>CATATAN :<br>• Mana-mana isi yang munasabah diterima.</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
</table>

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 4(b) (i) | **Riwayat hidup Professor Ahmad bin Ibrahim :** | |
| | F1 Nama penuh : Ahmad bin Muhammad Ibrahim. | 1 |
| | F2 Tarikh lahir : 15 Mei 1916. | 1 |
| | F3 Tarikh meninggal dunia : 17 April 1999. | 1 |
| | F4 Gelaran : Professor Emeritus Tan Sri Doktor. | 1 |
| | F5 Pekerjaan : | |
| | • Pensyarah Kuliyyah Undang-undang UIAM. | 1 |
| | • Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah. | 1 |
| | F6 Ketinggian akhlak : | |
| | • Suka menyebarkan ilmu. | 1 |
| | • Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan. | 1 |
| | F7 Tahap Pendidikan : | |
| | • Victoria Bridge School, Singapura. | 1 |
| | • Raffles Institution, Singapura. | 1 |
| | • Raffles College, Singapura. | 1 |
| | • University of Cambridge. | 1 |
| | **4F x 1m = 4m** | **Mak=4m** |
| (ii) | **Dua sumbangan Professor Ahmad bin Ibrahim dari segi penghasilan karya :** | |
| | F1 Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. | 1 |
| | F2 Family Law in Malaysia. | 1 |
| | F3 Pelopor Jurnal Hukum. | 1 |
| | F4 Sistem Undang-undang Malaysia. | 1 |
| | F5 Islamic Law in Malaysia. | 1 |
| | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| (iii) | **Dua iktibar daripada ketokohan Professor Ahmad bin Ibrahim :** | |
| | F1 Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu / | 1 |
| | H1 **agar** dapat membuktikan kecintaan terhadap ilmu. | 1 |
| | F2 Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiah / | 1 |
| | H2 **agar** masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar. | 1 |
| | F3 Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki / | 1 |
| | H3 **agar** dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. | 1 |
| | F4 Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti / | 1 |
| | H4 **supaya** dapat berbakti kepada masyarakat dan negara. | 1 |
| | F5 Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara / | 1 |
| | H5 **supaya** negara dihormati di peringkat antarabangsa. | 1 |
| | **Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.* | |
| | **TERANGKAN : 2F x 1m = 2m**<br>**2H x 1m = 2m** | **Mak=4m** |

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 5(a) (i) | **Maksud wasatiyyah ialah :**<br>Pendekatan yang **sederhana, seimbang, adil** dan **cemerlang** /[1m]<br>dalam setiap tindakan. /[1m]<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua contoh aspek keseimbangan dari segi rohani :**<br>F1 Melaksanakan ibadah fardu dan sunat dengan istiqamah.<br>F2 Menghayati al Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh.<br>F3 Melakukan ibadat dengan ikhlas.<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (iii) | **Dua ciri umat yang cemerlang :**<br>F1 Melakukan kebaikan kepada alam / memakmurkan bumi / membangunkan negara.<br>F2 Mencegah daripada melakukan kezaliman/ kefasikan/ kekejaman.<br>F3 Menggunakan kekayaan di dunia untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.<br>**mana-mana jawapan munasabah diterima.*<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (iv) | **Dua hikmah melaksanakan prinsip wasatiyyah :**<br>F1 Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan /<br>H1 **kerana** ada yang kestabilan politik.<br>F2 Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana /<br>H2 **kerana** tiada berlaku pembaziran.<br>F3 Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan /<br>H3 **kerana** kemudahan infrastruktur yang lengkap.<br>F4 Tahap pendidikan masyarakat dapat dipertingkatkan /<br>H4 **agar** mengikut keperluan negara.<br>F5 Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu /<br>H5 **agar** pembangunan dapat dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip keadilan.<br>**mana-mana jawapan munasabah diterima.*<br>**TERANGKAN : 2F x 1m = 2m**<br>**2H x 1m = 2m** | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Mak=4m** |

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>5(b) (i)</td><td>Dua adab menjaga alam sekitar :<br>F1 Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.<br>F2 Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar.<br>F3 Sentiasa menjaga kelestarian alam.<br>F4 Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar.<br>F5 Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.<br>F6 Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam.<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Dua kepentingan menjaga alam sekitar kepada kehidupan kita :<br>F1 Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar.<br>F2 Melapangkan pemikiran dan menenangkan jiwa.<br>F3 Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit.<br>F4 Melestarikan alam sekitar yang indah.<br>F5 Meningkatkan pendapatan ekonomi negara.<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Dua kesan kerosakan alam sekitar:<br>F1 Wabak penyakit mudah merebak.<br>F2 Hidup tidak selesa kerana bau busuk.<br>F3 Masyarakat tidak aman.<br>*mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iv)</td><td>Huraikan pendapat anda tentang perkara di atas :<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br>• Mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan alam sekitar.<br>• Mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan.<br>• Melaporkan kegiatan mencemarkan alam kepada pihak berkuasa.<br>• Menguatkuasakan undang-undang agar rakyat berdisiplin.<br>• Menyediakan tong sampah yang mencukupi.<br>• Mewujudkan lebih banyak pusat kitar semula.</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
</table>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**